

Ringgit berada paras rendah tempoh lebih 14 bulan

BH 17/12

Nilai ringgit berbanding dolar Amerika Syarikat (AS) mencatat paras terendahnya dalam tempoh lebih 14 bulan semalam.

Ia menjejaki penurunan mata wang lain Asia juga selepas Rizab Persekutuan Amerika Syarikat (Fed) mengejutkan pasaran minggu ini dengan isyarat menaikkan kadar lebih pantas tahun depan.

Ringgit jatuh ke paras 4.4755 berbanding satu dolar AS, paras terendahnya sejak akhir September 2015. Jika terus susut melebihi 4.480, ia menjadikannya terendah sejak Januari 1998, pada kemuncak Krisis Kewangan Asia.

Dalam pada itu, yuan dalam pesisir, mencecah paras rendah 6.9493 berbanding dolar AS awal hari ini, paras terendahnya sejak Mei 2008, tetapi kembali stabil dengan suntikan kecairan daripada pihak berkuasa melonjakkan keyakinan.

Beberapa peniaga juga mencairkan pegangan dolar AS menjelang hujung minggu, membantu menyokong yuan.

Dolar Singapura kukuh, tetapi kekal dalam paras rendah tujuh tahun 1.4481 berbanding dolar AS kelmarin.

+ Kebanyakan mata wang Asia berada pada landasan kukuh untuk mencatatkan kejatuhan mingguan, selepas Fed menaikkan kadar faedah buat pertama kali dalam tempoh setahun semalam dan mengisyaratkan kenaikan tiga kali pada 2017 berbanding dua kali sebelum ini.

Aliran keluar pasaran Asia

Isyarat Fed merangsang peningkatan dalam hasil bon AS, dolar AS dan menyemarakkan kebimbangan mengenai risiko pengaliran keluar modal daripada pasaran baharu muncul.

Sementara terdapat petunjuk pengaliran keluar daripada pasaran ekuiti Asia selepas mesyuarat dasar Fed, jumlahnya dilihat tidak begitu besar, kata penganalisis Bank of Tokyo-Mitsubishi UFJ yang berpangkalan di Singapura, Teppei Ino.

"Sementara dolar AS mungkin meningkat lagi berbanding mata wang Asia baharu muncul lain dalam beberapa minggu lagi, satu lagi ketidaktentuan adalah sama ada ekonomi AS akan terus kekal kukuh jika dolar AS dan hasil bon terus meningkat," kata Ino.

Kadar pinjaman semalaman Hong Kong jatuh kepada 10 peratus semalam daripada paras tinggi hampir dua minggu sebanyak 11.76367 peratus hari sebelumnya. Ia masih di atas paras 2.9 peratus pada akhir November.

Kadar pinjaman antara bank dalam pasaran luar pesisir yuan meningkat beberapa minggu ini, menyemarakkan lagi spekulasi pihak berkuasa membiarkan persekitaran pembiayaan yang ketat bagi tidak menggalakkan kedudukan spekulatif terhadap yuan.

REUTERS